



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
BLOK K, ARAS 2  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
PETI SURAT 12579  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2095 6523  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : pro@kpkt.gov.my

---

## **-SIARAN AKHBAR-**

Kuala Lumpur, 20 Julai 2009 – Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan Awam bagi Menangani Influenza A (H1N1) Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Selangor. Majlis ini dianjurkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Y.B. Datuk Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Y.B. Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia.

Kempen ini tercetus hasil daripada perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan antara Kementerian mengenai Pandemik Influenza A (H1N1) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 18 Jun 2009 yang memutuskan agar semua pihak hendaklah meningkatkan aktiviti pengawasan bagi tujuan mengurangkan kejadian kes akibat daripada penularan Wabak Influenza A (H1N1).

*sambung...*

Kempen ini melibatkan tiga komponen iaitu :

- i) Majlis Pelancaran – dihadiri oleh 1000 orang peserta yang merupakan penjawat awam, swasta dan NGO
- ii) Seminar Kebersihan Awam – Seminar Kempen Kebersihan bagi menangani Wabak Influenza A (H1N1) peringkat kebangsaan pada sebelah tengah hari
- iii) Pameran Kebersihan Awam turut diadakan di tingkat bawah Sunway Pyramid Shopping Center di Blue dan Orange Wing. Pameran tersebut bertujuan menyampaikan maklumat dan memberi kesedaran kepada umum tentang pentingnya menjaga kebersihan pada setiap masa terutamanya dalam usaha menangani wabak influenza H1N1 yang menular di negara kita

Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk;

- i) Meningkatkan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani penularan Wabak Influenza A (H1N1).
- ii) Melibatkan syarikat-syarikat pembersihan awam untuk turut sama terlibat dalam aktiviti menangani Wabak Influenza A.
- iii) Memberi maklumat kepada orang awam mengenai kebersihan dan kesihatan diri.

*sambung...*

Sebelum ini, KPKT telah mengambil beberapa tindakan bagi menangani wabak Influenza H1N1. Antaranya adalah dengan mengarahkan PBT agar sentiasa peka terhadap kebersihan awam dan jika perlu, penguatkuasaan undang-undang akan diperketatkan. Selain itu, Timbalan Menteri di KPKT, Y.B. Datuk Seri Panglima Hj. Lajim bin Hj. Ukim sendiri telah turun padang dengan mengadakan lawatan mengejut ke tandas-tandas awam di sekitar Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Bagi membantu pihak PBT menyelenggara tandas-tandas awam, pihak KPKT akan memohon peruntukan khas dari Kerajaan untuk PBT membaiki tandas-tandas awam yang daif. Disamping itu, KPKT juga telah menyediakan risalah dan poster untuk edaran pihak PBT.

**Di dikeluarkan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:  
Jessylina Mat Lazim  
Ketua Komunikasi Korporat  
019-3535500